

KAJIAN HUBUNGAN DI ANTARA PERSONALITI *BIG FIVE* DENGAN  
GAYA KEPIMPINAN DI SEBUAH ORGANISASI SWASTA

NOR HUDA BINTI TAIB

Projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
Penganugerahan Ijazah Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia)

Fakulti Pengurusan  
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2018

## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat *Illahi* kerana dengan segala limpah kurnia dan izin-Nya dapat saya menyiapkan Projek Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia) dengan sempurna.

Saya dengan ikhlas hati ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia projek iaitu Dr. Halimah Binti Mohd Yusof yang telah memberi tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang kajian ini dijalankan. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada semua pensyarah dan staf di Fakulti Pengurusan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai yang banyak membantu saya dalam menjayakan projek ini. Tidak dilupai juga kepada pihak pengurusan Syarikat ABC yang terlibat secara langsung dalam kajian ini. Terima kasih atas kerjasama dan sokongan kalian.

Penghargaan ini juga saya tujukan khas buat ayah, ibu, adik-beradik, saudara mara, keluarga tersayang yang telah banyak membantu dari segi dorongan dan semangat kepada saya. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang telah banyak memberikan sokongan moral sebagai pembakar semangat kepada saya dalam menyiapkan karya ilmiah ini.

Akhir sekali, jutaan terima kasih tidak terhingga kepada semua individu yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyiapkan Projek Sarjana ini.

## ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan di antara personaliti *Big Five* dengan gaya kepimpinan dalam kalangan pekerja di Syarikat ABC. Syarikat ABC adalah salah sebuah organisasi maritim dan kejuruteraan berat dalam sektor minyak dan gas yang terkemuka di Malaysia. 134 responden telah terlibat dalam kajian ini. Borang soal selidik yang diedarkan dalam kajian ini adalah diadaptasi daripada gabungan dua instrumen. Pertama, instrumen *Big Five Inventory (BFI)* yang telah dibina oleh John, Donahue dan Kentle (1991) untuk menguji dimensi-dimensi personaliti *Big Five*. Terdapat lima dimensi personaliti *Big Five* iaitu personaliti *openness to experience*, *conscientiousness*, *extrovertness*, *agreeableness* dan *neuroticism*. Instrumen kedua ialah Soal Selidik Kepimpinan Pelbagai Faktor atau dikenali sebagai *Multifactor Leadership Questionnaire (MLQ)* untuk menilai dimensi-dimensi yang terdapat dalam gaya kepimpinan transaksi dan transformasi di mana instrumen asalnya telah dihasilkan oleh Bernard Bass (1985). Hubungan di antara personaliti *Big Five* dengan gaya kepimpinan diuji berdasarkan statistik korelasi *Pearson* dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Services (SPSS)* versi 20. Kajian mendapati bahawa terdapat hubungan signifikan di antara personaliti *Big Five* dengan gaya kepimpinan. Pertama, terdapat hubungan yang signifikan di antara personaliti *neuroticism* dengan gaya kepimpinan transaksi, kedua personaliti *openness to experience* dengan gaya kepimpinan transformasi dan ketiga personaliti *extrovertness* dengan gaya kepimpinan transformasi. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pekerja Syarikat ABC mempunyai personaliti *openness to experience* dan gaya kepimpinan transformasi yang tinggi berdasarkan nilai min. Tambahan lagi, dapatan kajian ini boleh menambahkan literatur dalam bidang personaliti *Big Five* dan gaya kepimpinan transaksi dan transformasi.

## ABSTRACT

The purpose of this research is to identify the relationship between Big Five personality and leadership style among staff in ABC Company. ABC Company is one of the leading marine and heavy engineering organizations in Malaysia's oil and gas sector. 134 respondents were involved in this research. The questionnaires distributed in this research were adapted from a combination of two instruments. First, the Big Five Inventory (BFI) instrument that was built by John, Donahue and Kentle (1991) to test the Big Five personality dimensions. There are five main dimensions of Big Five personality which are openness to experience, conscientiousness, extrovertness, agreeableness and neuroticism. The second instrument is the Multi Factor Leadership Questionnaire (MLQ) to assess the dimensions found in the transaction leadership style and the transformation in which the original instrument was produced by Bernard Bass (1985). The relationship between Big Five's personality and leadership style was identified based on Pearson's correlation statistic using the Statistical Packages for Social Services (SPSS) version 20. The study found that there was a significant relationship between Big Five's personality and leadership style. The results of the analysis showed that there are three significant relationships of Big Five personality with leadership style. First, there is a significant relationship between neuroticism personality with transaction leadership style, second a significant relationship between openness to experience personality with transformational leadership style and the third, a significant relationship between extrovertness personality with leadership style of transformation. The findings also showed that ABC's Company staff have high in openness to experience personality and transformational leadership style based on mean value. Additionally, the findings of this study can add literature to the Big Five personality and the leadership styles of transaction and transformation.

## ISI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	PERAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI SINGKATAN	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	1
	1.3 Penyataan Masalah	4
	1.4 Persoalan Kajian	6
	1.5 Objektif Kajian	7
	1.6 Kepentingan Kajian	7
	1.7 Skop Kajian	8
	1.8 Batasan Kajian	9
	1.9 Definisi Konseptual	10
	1.9.1 Personaliti	10
	1.9.2 Kepimpinan	10
	1.9.3 Gaya Kepimpinan	11
	1.10 Definisi Operasional	13

	1.10.1	Personaliti <i>Big Five</i>	13
	1.10.1.1	Personaliti <i>Openness to experience</i>	13
	1.10.1.2	Personaliti <i>Conscientiousness</i>	13
	1.10.1.3	Personaliti <i>Extrovertness</i>	14
	1.10.1.4	Personaliti <i>Agreeableness</i>	14
	1.10.1.5	Personaliti <i>Neuroticism</i>	15
	1.10.2	Gaya Kepimpinan	15
	1.10.2.1	<i>Contingent Rewards</i>	15
	1.10.2.2	<i>Management by Exception</i>	16
	1.10.2.3	<i>Charisma</i>	16
	1.10.2.4	<i>Individualized Consideration</i>	17
	1.10.2.5	<i>Intellectual Stimulation</i>	17
	1.10.2.6	<i>Inspirational Motivation</i>	17
	1.11	Rumusan	18
<b>2</b>		<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>19</b>
	2.1	Pengenalan	19
	2.2	Personaliti	19
	2.3	Personaliti <i>Big Five</i>	20
	2.3.1	Personaliti <i>Openness to experience</i>	23
	2.3.2	Personaliti <i>Conscientiousness</i>	24
	2.3.3	Personaliti <i>Extrovertness</i>	25
	2.3.4	Personaliti <i>Agreeableness</i>	26
	2.3.5	Personaliti <i>Neuroticism</i>	28
	2.4	Kepimpinan	29
	2.4.1	Gaya Kepimpinan	31
	2.5	Teori Kepimpinan	33
	2.5.1	Teori Sifat	33
	2.5.2	Teori Tingkah Laku	34
	2.5.3	Teori Situasi	36
	2.6	Gaya Kepimpinan Transaksi dan Transformasi	36
	2.6.1	Gaya Kepimpinan Transaksi	38
	2.6.2	Gaya Kepimpinan Transformasi	39
	2.7	Hubungan di antara Personaliti dan Gaya Kepimpinan	41

2.8	Kajian-kajian Lepas	42
2.8.1	Kajian Dalam Negara	42
2.8.2	Kajian Luar Negara	44
2.9	Kerangka Kajian	47
2.10	Rumusan	48
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>49</b>
3.1	Pengenalan	49
3.2	Reka Bentuk Kajian	49
3.3	Populasi dan Persampelan Kajian	50
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	52
3.5	Instrumen Kajian	54
3.5.1	Borang Soal Selidik	54
3.5.1.1	Bahagian A: Profil Reponden	55
3.5.1.2	Bahagian B: Soal Selidik Personaliti <i>Big Five</i>	55
3.5.1.3	Bahagian C : Soal Selidik Kepimpinan Pelbagai Faktor	57
3.6	Kajian Rintis	58
3.6.1	Kebolehpercayaan	59
3.7	Penganalisan Data	60
3.7.1	Analisis Deskriptif	61
3.7.2	Analisis Inferensi	62
3.8	Rumusan	64
<b>4</b>	<b>ANALISIS KAJIAN</b>	<b>65</b>
4.1	Pengenalan	65
4.2	Analisis Profil Responden	66
4.3	Penilaian Terhadap Personaliti <i>Big Five</i>	68
4.4	Penilaian Terhadap Gaya Kepimpinan	71
4.5	Analisis Hubungan di antara Personaliti <i>Big Five</i> dengan Gaya Kepimpinan	72
4.6	Rumusan	75

<b>5</b>	<b>PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	<b>77</b>
5.1	Pengenalan	77
5.2	Perbincangan	77
5.2.1	Objektif 1: Mengenal pasti Personaliti <i>Big Five</i> paling dominan dalam kalangan pekerja Syarikat ABC	78
5.2.2.1	Dimensi Personaliti <i>Big-Five</i> paling dominan dalam kalangan pekerja di Syarikat ABC: <i>Conscientiousness</i>	78
5.2.1.2	Dimensi Personaliti <i>Big-Five</i> kedua dominan dalam kalangan pekerja di Syarikat ABC: <i>Openness to experience</i>	79
5.2.1.3	Dimensi Personaliti <i>Big-Five</i> ketiga dominan dalam kalangan pekerja di Syarikat ABC: <i>Extrovertness</i>	80
5.2.1.4	Dimensi Personaliti <i>Big-Five</i> keempat dominan dalam kalangan pekerja di Syarikat ABC: <i>Agreeableness</i>	81
5.2.1.5	Dimensi Personaliti <i>Big-Five</i> kelima dominan dalam kalangan pekerja di Syarikat ABC: <i>Neuroticism</i>	82
5.2.2	Objektif 2: Mengenal pasti gaya kepimpinan paling dominan dalam kalangan pekerja Syarikat ABC	83
5.2.3	Objektif 3: Mengenal pasti hubungan di antara personaliti <i>Big Five</i> dengan gaya kepimpinan dalam kalangan pekerja Syarikat ABC	84
5.3	Cadangan	88
5.3.1	Cadangan Kepada Organisasi	88
5.3.2	Cadangan Bagi Kajian Akan Datang	89
5.4	Rumusan	90
	Rujukan	92
	Lampiran	112



## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Bab ini membincangkan latar belakang serta pernyataan masalah kajian. Seterusnya pengkaji membangunkan persoalan kajian dan objektif kajian dengan berpandukan pernyataan masalah yang dikenalpasti. Pengkaji juga menghuraikan kepentingan kajian, skop kajian dan batasan kajian. Definisi konseptual dan definisi operasional turut diterangkan pada akhir bab ini.

#### **1.2 Latar Belakang Kajian**

Gaya ialah tingkah laku, sikap, gerakan dan kesanggupan untuk berbuat baik (Hassan, Asad & Hoshino, 2016). Kepimpinan pula merupakan proses yang menggerakkan sekumpulan manusia menuju ke arah satu matlamat yang telah ditetapkan tanpa dorongan yang memaksa (Alkahtani, Abu-Jarad, Sulaiman & Nikbin, 2011). Selain itu, kepimpinan melibatkan keupayaan individu untuk mempengaruhi orang lain sama ada di dalam atau di luar organisasi untuk bekerja ke arah pencapaian matlamat organisasi.

Gaya kepemimpinan berkesan oleh itu merujuk kepada gabungan ciri-ciri yang digunakan oleh pemimpin untuk mempengaruhi orang bawahan agar matlamat dan sasaran organisasi tercapai. Komitmen yang diberikan oleh pekerja terhadap organisasi adalah antara bukti keberkesanan gaya kepemimpinan seorang ketua (Hassan *et al.* 2016). Keupayaan seorang pemimpin untuk mempengaruhi perlakuan positif pekerja merupakan satu daya tarikan untuk pekerja terus mencapai prestasi terbaik di tempat kerja. Menurut Farsani, Azadi, Farsani dan Aroufzad (2013), gaya seseorang pemimpin merupakan satu faktor penting dalam menentukan kejayaan atau kegagalan sesebuah organisasi.

Rabbani, Riahi dan Delgoshaei (2016) menegaskan bahawa tugas utama pemimpin haruslah memberi tumpuan utama kepada usaha mempengaruhi persepsi pekerja melalui penguasaan dua aspek utama kepemimpinan iaitu transaksi dan transformasi. Menurut Farsani *et al.* (2013), keupayaan pemimpin untuk memberikan ganjaran dan hukuman berdasarkan fungsi kerja yang dilaksanakan oleh pekerja dikenali sebagai kepemimpinan transaksi manakala keupayaan pemimpin untuk mendapat sokongan pekerja dan mengerah mereka untuk bekerjasama dalam mencapai matlamat organisasi merupakan elemen kepemimpinan transformasi. Kajian oleh De Hoogh, Hartog dan Koopman (2005) pula menunjukkan bahawa gaya kepemimpinan transformasi mempunyai kesan positif terhadap inovasi dan keberkesanan organisasi awam di mana pekerja yang mendapat galakan dan sokongan daripada pemimpin transformasi mempamerkan prestasi kerja yang produktif berbanding mereka yang diarah oleh pemimpin transaksi.

Bukan hanya gaya pemimpin yang berupaya mempengaruhi tingkah laku pekerja, personaliti, keperibadian dan tindakan seseorang pemimpin juga memainkan peranan penting dalam membantu meningkatkan semangat kerja (Bartone, Eid, Johnsen *et al.* 2009). Pemimpin yang memiliki personaliti seperti karisma dan adil mampu membentuk individu lain untuk beraspirasi untuk meningkatkan prestasi sendiri (Gol & Zare, 2017). Mengikut Mousavi, Vaezi, Ebadi dan Shokoohi (2016), aspek yang menjadi tumpuan dalam mengenali personaliti pemimpin berkesan termasuklah pemilikan cara berfikir yang kritikal, mampu melaksanakan

sesuatu tugas dengan baik, mempunyai kesedaran terhadap kepentingan emosi pekerja dan memberi penekanan terhadap kepentingan interaksi positif di tempat kerja ke arah pencapaian matlamat organisasi.

Pemimpin yang mempunyai personaliti *extrovert* menunjukkan sikap yang lebih aktif, asertif, bertenaga dan mampu membuat keputusan sendiri dan oleh itu berhubungan positif dengan gaya kepimpinan membangun (Noordin Yahaya, Mohammad Aslan & Jasmi Ismail *et al.*, 2011). Pemimpin yang mempunyai gaya kepimpinan berkesan juga dikenalpasti memiliki sikap kreatif dan terbuka dalam menerima idea baharu dalam membangunkan produktiviti organisasi (Tatlah *et al.*, 2012). Kajian oleh Hassan *et al.* (2016) pula melihat hubungan di antara personaliti pekerja dan gaya kepimpinan. Hasil kajian menunjukkan terdapat korelasi di antara personaliti dan gaya kepimpinan organisasi. Mengikut Judge, Bono, Ilies dan Gerhardt (2002), elemen terpenting bagi sesebuah budaya organisasi ialah kecekapan kepimpinan dan adaptasi pekerja dalam persekitaran kerja.

Bertsch, Nguyen, Alford *et al.* (2017) melihat bagaimana pekerja beradaptasi dalam sesebuah organisasi berdasarkan personaliti masing-masing dan sejauh mana ianya berkait dengan gaya kepimpinan dan pengurusan. Gaya kepimpinan yang dikaji ialah gaya pengurusan *exploitive authoritative*, *benevolent authoritative*, *consultative* dan *participative authoritative*. Gaya pengurusan *exploitative authoritative* ialah di mana segala keputusan dibuat oleh pihak pengurusan atasan dan dikuatkuasakan tanpa sebarang perbincangan dengan pekerja (Bsch *et al.*, 2017). Gaya pengurusan *benevolent authoritative* pula ialah peraturan dikuatkuasakan oleh pihak pengurusan atasan namun pekerja mungkin dapat memberi pandangan (Bertsch *et al.*, 2017). Dalam gaya pengurusan *consultative*, peraturan dikuatkuasakan selepas proses perbincangan dengan pekerja bawahan berkenaan permasalahan dalam pelan tindakan yang digariskan (Bertsch *et al.*, 2017). Bagi gaya pengurusan *participative* menggalakkan penyertaan kumpulan pekerja dalam penetapan dan pencapaian matlamat organisasi (Bertsch *et al.*, 2017).

Kajian Camps, Stouten dan Euwema (2016) menggunakan ujian *Big Five Personality* dan menerangkan bahawa pemimpin yang mempunyai personaliti *agreeableness* dikatakan lebih mempunyai empati dan bersungguh-sungguh mahu membantu orang lain manakala pemimpin yang tidak mempunyai sifat *agreeableness* menunjukkan sikap antagonis, ego, bersangka buruk terhadap orang lain dan mempunyai sifat mahu bersaing yang tinggi (Carver & Connor Smith, 2010).

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih sebuah organisasi swasta, Syarikat ABC sebagai tempat kajian. Syarikat ABC adalah salah sebuah organisasi marin dan kejuruteraan berat dalam sektor minyak dan gas yang terkemuka di Malaysia. Organisasi ini menawarkan pelbagai spektrum pembinaan luar pantai, penukaran luar pesisir dan perkhidmatan pembaikan marin yang terletak di Pasir Gudang, Johor, Malaysia. Syarikat ABC mempunyai kekuatan tenaga kerja yang terdiri daripada pelbagai kemahiran dan kepakaran yang telah disokong oleh pemimpin yang berkemahiran tinggi.

### **1.3    Penyataan Masalah**

Setiap organisasi mempunyai matlamat untuk mencapai kecemerlangan dan produktiviti yang telah ditentukan. Antara faktor utama ke arah mencapai matlamat tersebut adalah mempunyai barisan kepimpinan yang kukuh dan teratur. Bass (1985) berpendapat pemimpin yang baik mampu membimbing kumpulan ke arah matlamat yang telah ditetapkan dan sentiasa memastikan bahawa mereka tidak tertekan dalam melaksanakan tugas yang diberi. Selain itu, Robbins (2000) menyatakan bagi seorang pemimpin cemerlang, personaliti yang dimiliki oleh individu itu sendiri akan dapat membantu dalam mencapai matlamat tersebut.

Ahli psikologi bersetuju bahawa terdapat persamaan di antara individu akan tetapi dalam bidang personaliti, tumpuan diberikan dalam melihat perbezaan di antara individu. Perbezaan dalam personaliti ini akan menyebabkan gaya kepimpinan yang berlainan dan mungkin tidak sesuai bagi sesetengah situasi dan personaliti yang tidak dapat membantu pemimpin dalam menjalankan tugas yang boleh menyumbang kepada ketidakberkesanan kepimpinan sekali gus tidak dapat mencapai objektif organisasi. Dengan wujudnya kajian-kajian terdahulu sama ada dari dalam dan luar negara yang membincangkan berkenaan personaliti dan gaya kepimpinan ini membuktikan kepentingan di antara hubungan kedua-duanya.

Terdapat banyak teori personaliti dibina untuk mengenal pasti personaliti individu yang dominan yang terdapat pada diri. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan Personaliti *Big Five*. Terdapat lima dimensi utama OCEAN iaitu personaliti *openness to experience, conscientiousness, extrovertness, agreeableness* dan *neuroticism* (Hoogh *et al.*, 2005). Personaliti yang dominan bermaksud personaliti yang paling menonjol yang wujud dalam setiap individu (Tatlah, Nizami & Siddiqui, 2012). Personaliti ini merupakan antara faktor yang mempengaruhi gaya kepimpinan seseorang individu. Oleh yang demikian, adalah penting untuk mengetahui personaliti seseorang pemimpin itu dalam membentuk gaya kepimpinan dalam sesebuah organisasi.

Menyedari kepentingan hubungan di antara personaliti dan gaya kepimpinan dalam aktiviti pengurusan organisasi, maka terdapat beberapa kajian yang dijalankan berkenaan kedua-dua pemboleh ubah ini. Justeru, pengkaji melihat daripada perspektif personaliti seseorang pemimpin atau individu sebagai faktor yang mempengaruhi gaya kepimpinan dalam sesebuah organisasi. Kajian oleh Mousavi *et al.* (2016) melihat hubungan antara personaliti dan gaya kepimpinan pemimpin di tempat kerja. Kajian kuantitatif ini mendapati bahawa *Big Five Personality Traits* mempunyai korelasi berkadar 0.39 dengan keberkesanan gaya kepimpinan ketua. Kajian ini juga menjelaskan bahawa individu yang mempunyai atribusi personaliti yang *extrovert* dan berada dalam persekitaran kerja yang positif mungkin lebih memilih untuk bekerja di bawah ketua yang mempunyai personaliti yang sama

Tambahan pula, satu kajian lepas (Alkahtani, Abu-Jarad, Sulaiman & Nikbin, 2011) mencadangkan kajian akan datang supaya lebih fokus dalam pemilihan sampel yang lebih tepat. Ini kerana responden yang terlibat dalam kajian tersebut adalah daripada golongan pemimpin yang tidak mempunyai pengalaman dalam kepimpinan. Pengkaji menekankan bahawa hasil kajian akan lebih berkesan sekiranya responden kajian terdiri daripada individu yang mempunyai pengalaman menjadi ketua atau memimpin kepada orang bawahannya.

Personaliti pemimpin yang berbeza mungkin mempengaruhi gaya kepimpinan mereka di tempat kerja. Namun, tanpa data dan maklumat yang tepat sukar mengenal pasti secara spesifik faktor-faktor tersebut sama ada disebabkan pengaruh personaliti *openness to experience, conscientiousness, extrovertness, agreeableness* atau *neuroticism*. Kajian hubungan di antara personaliti dan gaya kepimpinan dalam kalangan pekerja di Syarikat ABC belum pernah dijalankan lagi. Justeru, ini merupakan usaha pengkaji untuk mengenal pasti ciri-ciri personaliti dan gaya kepimpinan pemimpin di syarikat ini.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Daripada isu permasalahan kajian yang dibincangkan, kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan-persoalan berikut:

- 1.4.1 Apakah personaliti *Big Five* paling dominan dalam kalangan pekerja Syarikat ABC?
- 1.4.2 Apakah gaya kepimpinan paling dominan dalam kalangan pekerja Syarikat ABC?

- 1.4.3 Adakah terdapat hubungan di antara personaliti *Big Five* dengan gaya kepimpinan dalam kalangan pekerja Syarikat ABC?

## 1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian dibina berdasarkan persoalan kajian. Terdapat tiga objektif yang telah ditetapkan seperti berikut:

- 1.5.1 Menenal pasti personaliti *Big Five* paling dominan dalam kalangan pekerja Syarikat ABC.
- 1.5.2 Menenal pasti gaya kepimpinan paling dominan dalam kalangan pekerja Syarikat ABC.
- 1.5.3 Menenal pasti hubungan di antara personaliti *Big Five* dengan gaya kepimpinan dalam kalangan pekerja Syarikat ABC.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini boleh dijadikan rujukan kepada penyelidikan masa hadapan. Penyelidik boleh membandingkan hasil kajian ini dengan kajian mereka untuk memahami lebih lanjut tentang hubungan di antara personaliti *Big Five* dengan gaya kepimpinan. Perbandingan boleh dilihat dari segi penentuan penyelidikan, kerangka dan teori yang digunakan serta penggunaan instrumen yang sesuai. Selain itu, penyelidik boleh menggunakan hasil dan kaedah kajian ini sebagai garis panduan serta usaha dalam memperbaiki penyelidikan masa hadapan.

Selain itu, topik kajian seperti ini belum pernah dijalankan di Syarikat ABC. Oleh yang demikian, kajian ini akan memberi manfaat kepada organisasi di mana hasil kajian akan dikongsi sebagai pengetahuan aset yang berguna kepada Syarikat ABC untuk dijadikan panduan dalam memahami hubungan di antara personaliti dan gaya kepimpinan dalam kalangan pekerja. Sebagai contoh, hasil kajian membenarkan Syarikat ABC untuk mengenal pasti gaya kepimpinan dan personaliti pekerja seterusnya merancang aktiviti dan latihan yang sesuai dengan keperluan pembangunan dan kecemerlangan organisasi.

## 1.7 Skop Kajian

Kajian ini menumpukan kepada hubungan di antara personaliti *Big Five* dengan gaya kepimpinan di sebuah organisasi swasta, Syarikat ABC. Dengan kebenaran pihak pengurusan Syarikat ABC, hanya 134 responden telah dipilih dalam kalangan pekerja Syarikat ABC. Borang soal selidik yang diedarkan dalam kajian ini adalah diadaptasi daripada gabungan dua instrumen. Pertama, instrumen *Big Five Inventory (BFI)* yang dibina oleh John, Donahue dan Kentle (1991) untuk menguji dimensi personaliti *Big Five*. Terdapat lima dimensi utama OCEAN dalam dimensi personaliti *Big Five* iaitu personaliti *openness to experience*, *conscientiousness*, *extrovertness*, *agreeableness* dan *neuroticism*. Instrumen kedua, Soal Selidik Kepimpinan Pelbagai Faktor atau dikenali sebagai *Multi Factor Leadership Questionnaire (MLQ)* digunakan untuk menilai dimensi yang terdapat dalam gaya kepimpinan transaksi dan transformasi di mana model asalnya dihasilkan oleh Bernard Bass (1985).

Kajian hanya berfokus kepada responden dalam kalangan pekerja Syarikat ABC yang memegang jawatan pengurus dan ke atas. Kelompok yang dipilih berdasarkan mereka yang mempunyai kelulusan akademik yang paling minimum, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya 5



tahun dan ke atas. Kebenaran yang diberi oleh pihak pengurusan Syarikat ABC hanya dalam kalangan pekerja di Bahagian Pengurusan Korporat. Responden terdiri daripada pekerja yang berkhidmat di Jabatan Sumber Manusia, Perancangan Korporat, Kewangan, Perolehan dan Pengurusan Aset, Keselamatan dan Persekitaran Kesihatan

## **1.8 Batasan Kajian**

Pengkaji berhadapan dengan beberapa cabaran sepanjang menjalankan kajian ini. Pertama, ketepatan data sepenuhnya bergantung kepada pemahaman dan kejujuran responden menjawab borang soal selidik. Data yang dikumpulkan hanya berdasarkan pandangan dan persepsi responden mengenai tajuk kajian ini. Selain itu, faktor-faktor luaran dan dalaman seperti kestabilan emosi, stres dan faktor psikologi serta persekitaran organisasi juga boleh mempengaruhi ketepatan jawapan responden yang diberikan dalam borang soal selidik.

Selain itu, hasil kajian tidak boleh digeneralisasikan kerana pemilihan sampel adalah terhad. Kajian ini hanya dijalankan di satu lokasi dengan sampel daripada bahagian yang sama sahaja yang tidak dapat mewakili populasi secara keseluruhannya. Oleh itu, kajian ini hanya menilai kaitan personaliti dan gaya kepimpinan di Syarikat ABC dan hasilnya tidak dapat digeneralisasikan dengan industri dan organisasi yang lain. Dapatan kajian mungkin berbeza dengan sampel dan pemilihan tempat kajian yang lain seperti dalam industri perkhidmatan dan perkilangan.

## **1.9 Definisi Konseptual**

### **1.9.1 Personaliti**

Menurut Mischel (1969), personaliti adalah tingkah laku yang dimiliki oleh individu dalam kehidupan seharian. Ini bermaksud, segala aktiviti atau kegiatan yang dilakukan oleh seseorang dapat menggambarkan personaliti sebenar mereka. Selain itu, menurut McMartin (2016), personaliti dianggap berkait rapat dengan interaksi sosial. Perkara yang dimaksudkan termasuklah tingkah laku individu seperti pemikiran, perasaan dan perbuatan.

Dapat dirumuskan bahawa personaliti merupakan tingkah laku unik dan berbeza yang ditunjukkan oleh setiap individu. Perbezaan ini adalah disebabkan oleh pelbagai faktor dalaman dan luaran. Personaliti mencerminkan diri individu itu sendiri dan setiap perlakuannya menggambarkan ciri dan sifat keperibadiannya. Kecenderungan mereka terhadap tingkah laku yang dipamerkan mempengaruhi setiap tindakan termasuklah cara mereka berfikir dan membuat keputusan. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih untuk menggunakan personaliti *Big Five* sebagai salah satu pemboleh ubah kajian. Personaliti *Big Five* dikaji berdasarkan lima dimensi yang berlainan iaitu personaliti *openness to experience*, *conscientiousness*, *extrovertness*, *agreeableness* dan *neuroticism*.

### **1.9.2 Kepimpinan**

Dubrin (2001) mentakrifkan kepimpinan sebagai kemampuan seseorang pemimpin untuk mendapat sokongan dan membina keyakinan dalam kalangan pekerja untuk mencapai tujuan organisasi. Menurut Kaiser, Hogan dan Crai (2008),

pengertian kepemimpinan pula ialah penentuan matlamat, nilai dan kewujudan persekitaran supaya sesuatu objektif tercapai. Manakala, Northouse (2011) menambah dengan menyatakan bahawa kepemimpinan sebagai satu proses yang mempengaruhi sesebuah kumpulan untuk mencapai tujuan umum.

Stodgill (1974) mendefinisikan kepemimpinan sebagai keupayaan keperibadian individu untuk membimbing kumpulan untuk mencapai matlamat bersama. Menurut beliau, pemimpin yang mengiktiraf usaha pekerja, menjaga kesejahteraan dan membimbing mereka untuk mencapai matlamat yang lebih tinggi menunjukkan keberkesanan sebagai seorang pemimpin efektif. Selain itu, Sadler (1997) berpendapat bahawa pemimpin yang baik mampu memahami dan seterusnya dapat menyumbang kepada pembangunan dan kejayaan sesebuah organisasi.

### **1.9.3 Gaya Kepimpinan**

Gaya kepimpinan merupakan corak tingkah laku pemimpin yang mampu mempengaruhi tingkah laku pengikutnya. Pembentukan gaya kepimpinan ini adalah hasil daripada gabungan personaliti, pegangan dan pengalaman pemimpin itu sendiri. Gaya kepimpinan juga ditakrifkan sebagai cara seseorang pemimpin mengurus sesebuah kumpulan berdasarkan ciri-ciri yang dimilikinya. Terdapat perbezaan di antara gaya kepimpinan daripada seorang pemimpin dengan pemimpin yang lain.

Fiedler (1976) menyatakan gaya kepimpinan umumnya bermaksud tindakan khusus pemimpin yang diambil untuk menyelaras segala aktiviti pengikutnya. Terdapat pelbagai gaya kepimpinan yang wujud akan tetapi dewasa ini gaya kepimpinan hanya tertumpu kepada gaya kepimpinan transaksi dan transformasi. Menurut Bass (1985), gaya kepimpinan transaksi menekankan tugas, piawaian

kerja dan matlamat yang berorientasikan tugas. Manakala gaya kepimpinan transformasi pula adalah proses pemimpin mempengaruhi pekerja dalam membina komitmen untuk mencapai matlamat organisasi (Yulk, 1989).

Bass (1985) menambah dengan menyatakan gaya kepimpinan transaksi adalah kemampuan pemimpin untuk mempengaruhi orang bawahan untuk melaksanakan tugas dengan mencapai hasil seperti mana piawai yang telah ditetapkan. Selain itu, pemimpin yang mengamalkan gaya kepimpinan transaksi juga menjanjikan ganjaran atas pencapaian pekerjanya (Bass, 1990).

Seterusnya gaya kepimpinan transformasi pula menunjukkan kemampuan pemimpin untuk berkomunikasi dengan memberi inspirasi dan mendorong pekerja untuk mencapai sesuatu yang luar biasa. Yukl (1989) berpendapat bahawa gaya kepimpinan ini adalah proses pemimpin mempengaruhi sikap pekerja dalam membina komitmen untuk mencapai misi dan objektif organisasi. Di samping itu, kepimpinan transformasi diterima secara meluas apabila penglibatan pemimpin dan pengikut dalam pelbagai cara untuk meningkatkan tahap motivasi masing-masing (Burns, 1978).

Bagi kajian ini, gaya kepimpinan yang diutarakan oleh Bass (1985) digunakan untuk mengkaji dan mengenal pasti sama ada gaya kepimpinan yang diamalkan oleh pekerja Syarikat ABC adalah gaya kepimpinan transaksi atau transformasi.

## **1.10 Definisi Operasional**

### **1.10.1 Personaliti *Big Five***

Dalam kajian ini, pengkaji merujuk kepada *Big Five Personality*. Menurut Digman (1990) menerangkan personaliti seseorang yang terdiri daripada lima dimensi asas dikenali sebagai model OCEAN yang bermaksud *Openness to experience (O)*, *Conscientiousness (C)*, *Extraversion (E)*, *Agreeableness (A)* dan *Neuroticism (N)*.

#### **1.10.1.1 Personaliti *Openness to experience***

Individu yang mempunyai personaliti *openness to experience* dikategorikan sebagai golongan yang kreatif dan inovatif di mana mereka lebih cenderung untuk mengemukakan idea yang baharu. Menurut Digman (1990), antara kelebihan individu dalam kelompok ini termasuklah bersikap terbuka, tertarik dengan perkara-perkara yang segar serta fokus menghasilkan sesuatu yang baharu dan lebih bersifat artistik.

#### **1.10.1.2 Personaliti *Conscientiousness***

Menurut Digman (1990), individu yang mempunyai personaliti ini lebih cenderung kepada ketelitian dalam melaksanakan segala tugas yang dipertanggungjawabkan. Individu yang memiliki ciri-ciri personaliti ini merupakan seorang pekerja yang penuh berdedikasi dan sentiasa memastikan kesempurnaan dalam tugas yang digalas. Mereka seorang yang bersistematik dalam

melaksanakan tugas dan seterusnya mendapat kepercayaan daripada pihak pengurusan atas sikap dan tingkah laku positif yang dipamerkan.

### **1.10.1.3 Personaliti *Extrovertness***

Personaliti ini merupakan individu yang lebih mementingkan hubungan dan interaksi dengan orang sekeliling dan persekitaran. Mereka lebih cenderung mempunyai ramai rakan, mudah bergaul dan lebih dihargai oleh rakan-rakan lain dan menjadi individu yang berpengaruh. Akan tetapi, personaliti yang berlawanan dengan *extrovert* pula dikenali sebagai personaliti *introvert* iaitu kecenderungan untuk tidak bergaul dengan orang lain dan menghabiskan lebih banyak masa untuk diri mereka sendiri (Digman, 1990). Personaliti *introvert* pula membuatkan individu tersebut lebih gemar bekerja sendirian dan menyelesaikan masalah dengan cara tersendiri tanpa bantuan dan mengambil kira pendapat orang lain.

### **1.10.1.4 Personaliti *Agreeableness***

Menurut Digman (1990), individu yang mempunyai personaliti *agreeableness* disifatkan sebagai individu yang lebih mementingkan keharmonian dalam setiap kerja yang dijalankan. Individu ini mudah bekerjasama dengan orang lain dan lebih mementingkan orang lain daripada dirinya sendiri. Mereka lebih cenderung mengelak untuk daripada berlakunya konflik dan sentiasa menerima pendapat orang lain. Antara sikap positif yang dimiliki oleh kelompok ini adalah suka menolong dan mudah memaafkan orang lain

### **1.10.1.5 Personaliti *Neuroticism***

Kestabilan emosi dalam menghadapi sesuatu perkara diukur dalam individu yang berpersonaliti *neuroticism*. Individu seperti ini mempunyai emosi yang tidak teratur dan kurang bijak dalam mengawal sesuatu perkara atau cabaran yang ditempuhi. Mereka lebih mudah berasa bimbang dan cepat bersikap cemas. Pemimpin ini juga sering berasa marah, sedih, dan tertekan sekiranya menghadapi situasi yang tidak diingini (Digman, 1990).

### **1.10.2 Gaya Kepimpinan**

Dalam kajian ini, gaya kepimpinan yang dicadangkan oleh Bass (1985) digunakan untuk melihat gaya kepimpinan dalam kalangan pekerja Syarikat ABC. Responden diuji sama ada mengamalkan gaya kepimpinan transaksi atau transformasi dalam fungsi kerja mereka. Model ini bertujuan untuk mengukur pelbagai aspek kepimpinan transaksi dan transformasi yang dipamerkan oleh para pemimpin (Bass, 1985).

Gaya kepimpinan transaksi yang digunakan oleh pengkaji adalah berdasarkan dimensi gaya kepimpinan transaksi yang diperkenalkan oleh Bass (1985) iaitu *Contingent Rewards* dan *Management by Exception*.

#### **1.10.2.1 *Contingent Rewards***

Menurut Bass (1985), pemimpin yang mengamalkan gaya kepimpinan transaksi ini menjanjikan ganjaran dan faedah kepada pekerjanya yang berjaya mencapai satu tahap piawai yang telah ditetapkan dengan hasil yang memuaskan.

Kesungguhan dalam melaksanakan tugas dalam jangka masa yang tertentu mencerminkan tahap kecemerlangan individu yang diingini oleh sesebuah organisasi. Secara operasionalnya, pemimpin boleh memberi ganjaran atau faedah dalam bentuk kenaikan pangkat dan bayaran gaji, pemberian bonus serta pemberian penghargaan secara pujian kepada pekerja yang berprestasi baik. Manakala bagi pekerja yang berprestasi rendah, pemimpin boleh mengurangkan ganjaran, menurunkan pangkat, melaksanakan kawalan ketat serta memantau cara kerja yang dilaksanakan.

### **1.10.2.2 *Management by Exception***

Pemimpin dalam kelompok ini dilihat cenderung untuk memerhati dan mengikuti perkembangan prestasi pekerjanya selain mencari jalan penyesuaian daripada piawaian yang ditetapkan. Seterusnya, pemimpin dalam kelompok ini mengambil tindakan apabila piawaian yang telah ditentukan tidak tercapai (Bass, 1985).

Selain itu, pengkaji melihat gaya kepemimpinan transformasi dengan berdasarkan dimensi seperti *Charisma*, *Individualized Consideration*, *Intellectual Stimulation* dan *Inspirational Motivation* (Bass, 1985).

### **1.10.2.3 *Charisma***

